

**SOALAN NO. 118**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Ong Kian Ming [ SERDANG ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan semua tindakan yang diambil oleh jawatankuasa yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara, sebagai tindak balas kepada Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2012.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara. Bermula dari Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012, Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan pada 21 Oktober 2013 dan diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat teguran melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas. Jawatankuasa Siasatan ini pada tahun 2012 ditubuhkan dengan segera selepas Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen dan diberi tempoh 1 bulan untuk melengkapkan siasatan. Bagi Siri 1 dan 2 Laporan Ketua Audit Negara tahun 2013, Jawatankuasa Siasatan ini ditubuhkan 2 minggu sebelum Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen untuk mempercepatkan proses siasatan;
- (ii) meneliti hasil laporan siasatan dan pegawai yang didapati terlibat dalam penyelewengan, penyalahgunaan kuasa,

salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas semasa pemeriksaan awal audit;

- (iii) memastikan Lembaga Tatatertib dan pihak berkuasa berkenaan mengambil tindakan tatatertib, surcaj, pertuduhan rasuah atau jenayah di mahkamah ke atas pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaian;
- (iv) memastikan Ketua-ketua Jabatan mengambil tindakan penambahbaikan peraturan / prosedur atas syor-syor dalam Laporan Ketua Audit Negara;
- (v) memantau tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara melalui Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan dan Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Dengan Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (vi) mengarahkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara mulai tahun 2013 dipaparkan dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- (vii) memantapkan pelaksanaan kursus kewangan, perolehan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di Institusi Latihan Awam khususnya di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Sekian. Terima kasih